

PENGUASAAN BAHASA BABA-NYONYA DALAM KALANGAN MASYARAKAT BABA-NYONYA DI MELAKA

SA'ADIAH MA'ALIP
Universiti Kebangsaan Malaysia
adia@ukm.edu.my

RAHILAH OMAR
Universiti Kebangsaan Malaysia
rahilah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Masyarakat Baba-Nyonya merupakan golongan etnik minoriti yang terdapat di Melaka. Bahasa masyarakat ini unik kerana walaupun asal usul mereka adalah daripada suku kaum Cina tetapi mereka tidak bertutur dalam bahasa Cina. Masyarakat ini sebaliknya bertutur dalam bahasa Baba-Nyonya yang dikenali sebagai bahasa kreol. Sehubungan itu kajian ini bertujuan untuk meneliti penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat ini kesan daripada faktor ekonomi dan peredaran zaman. Selain itu, kajian ini juga turut mengkaji penguasaan bahasa kreol dalam kalangan generasi tua dan yang muda masyarakat ini. Lokasi kajian ini adalah di Melaka. Reka bentuk kajian ini adalah mod campuran, iaitu kualitatif dan kuantitatif. Instrumen kajian yang digunapakai untuk mengumpul data adalahlah soal-selidik, temu-bual dan pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan bahasa masyarakat Baba-Nyonya semakin berkurangan terutamanya dalam golongan generasi muda. Fenomena ini disebabkan oleh masyarakat ini majoritinya lebih mengutamakan penguasaan terhadap bahasa Inggeris dan juga bahasa Mandarin. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Baba-Nyonya walaupun sudah semakin berkurangan tetapi masyarakat ini mempunyai sikap dan pandangan yang positif terhadap bahasa mereka. Hasil kajian ini adalah penambahan ilmu secara amnya kepada bahasa minoriti, dan secara khusus terhadap bahasa masyarakat Baba-Nyonya. Dokumentasi ini adalah penting untuk merapatkan jurang ilmu tentang bahasa masyarakat Baba-Nyonya di Malaysia.

Kata kunci: bahasa masyarakat minoriti; Baba-Nyonya; penguasaan bahasa; peralihan bahasa; sosiolinguistik

THE BABA-NYONYA LANGUAGE PROFICIENCY OF THE BABA- NYONYA SOCIETY IN MELAKA

ABSTRACT

The Baba-Nyonya society is a minority ethnic group in Malacca. This society's language is unique because although their roots are Chinese but they do not communicate in the Chinese language. They on the other hand communicate through the usage of Baba-Nyonya language, which is known as kreol. Thus this research intends to study the language proficiency amongst this society members as an effect of economic factor and through change of time. Besides, this research also intends to capture the language proficiency between the older and younger

generation of Baba-Nyonya. This research was carried out in Malacca. The research design of this research is a mix mode of qualitative and quantitative. Questionnaire, interview and observation were the research instruments in data collection process. This research shows that the language proficiency amongst the Baba-Nyonya society members has deteriorated especially among the the younger generation. This phenomenon is due to the fact that the majority of them are now more dominant in English and Mandarin. The result also shows that the attitude and perception towards the Baba-Nyonya language by it's society members are positive although the language is less spoken by them. In general, the findings of this research is an added knowledge on minority language, and in specific the Baba-Nonya Language. This documentation is an important work in minimizing the knowledge gap in the context of Baba-Nyonya language in Malaysia.

Keywords: minority language, Baba-Nyonya; language proficiency; language shift; sociolinguistics

PENDAHULUAN

Sejarah membuktikan bahawa Melaka pernah menjadi pelabuhan antarabangsa dan banyak pedagang asing yang singgah untuk berdagang. Malah Melaka juga terkenal dengan pendatang yang datang untuk membina perhubungan dengan kesultanan Melaka. Kebanyakan pendatang Cina yang terawal berhijrah ke Tanah Melayu adalah daripada kelompok Hokkien. Oleh itu, kebanyakan orang Baba-Nyonya juga adalah dari suku kaum Hokkien dan mereka masih menganggap diri mereka sebagai orang Hokkien meskipun kebanyakannya tidak pandai bertutur dalam loghat Hokkien (Khoo, 1990). Namun begitu terdapat juga masyarakat Baba-Nyonya yang berasal daripada keturunan Kantonis, Hakka, dan lain-lain. Masyarakat Baba-Nyonya yang wujud pada hari ini bertutur dalam bahasa Baba-Nyonya yang dapat difahami oleh kebanyakan orang Melayu.

Cara masakan mereka kebanyakannya diresapi oleh cara masakan masyarakat Melayu. Generasi Baba-Nyonya khususnya kaum wanita masih memakai pakaian kebaya dan kain sarong sebagaimana yang dipakai oleh masyarakat Melayu. Mereka berkomunikasi menggunakan bahasa pijin sebagai bahasa perhubungan. Lama-kelamaan, bahasa tersebut telah mempunyai penutur yang tersendiri dan berkembang menjadi bahasa kreol. Bahasa Baba Nyonya sangat terkenal di Melaka pada waktu itu merupakan penutur bahasa kreol Baba-Nyonya. Namun begitu, akibat faktor ekonomi bahasa ini lama kelamaan telah semakin melemah. Hal ini merupakan perkara yang pasti dihadapi oleh masyarakat minoriti sesebuah Bahasa. Oleh sebab itu penguasaan bahasa, khususnya bahasa ibu dalam sesebuah masyarakat minoriti perlu diberi perhatian (Sa'adiah, 2001; 2005; 2010).

Masyarakat Baba-Nyonya sudah dikenali umum di Malaysia dan khususnya di negeri Melaka. Masyarakat ini merupakan keturunan Cina Peranakan yang mana nenek moyang mereka telah datang dan berkahwin dengan masyarakat tempatan. Perkahwinan campur yang berlaku telah melahirkan budaya Cina yang unik berserta dengan tradisi Melayu. Menurut Lee (2007), Baba merupakan istilah pinjaman daripada India yang merujuk kepada lelaki Cina di Negeri-Negeri Selat. Terdapat pengkaji yang mengatakan bahawa perkataan ini mungkin juga berasal daripada bapa dalam bahasa Melayu yang turut dirujuk sebagai panggilan kepada tuan atau taukeh. Selain itu, Koo (1996) pula menyatakan bahawa masyarakat ini memanggil diri mereka sebagai *Baba* atau *Peranakan* kerana kebudayaan mereka yang berasal daripada warisan tradisi Cina, mempunyai unsur-unsur pengaruh kebudayaan Melayu. Penyesuaian dan resapan budaya mereka terhadap suasana sosio-budaya di persekitaran mereka di zaman silam, iaitu melalui perkahwinan campur yang berlaku di antara kaum-kaum Cina dan Melayu, adalah

punca utama mengapa generasi-generasi seterusnya memanggil mereka sebagai 'Baba'. 'Peranakan' pula boleh didefinisikan sebagai imigran yang lahir di Malaysia ataupun berasal daripada keturunan kacukan antara imigran dan orang tempatan. Istilah ini merujuk kepada keturunan bercampur tanpa mengira etnik.

Kajian berkaitan dengan penguasaan bahasa ini dilakukan adalah untuk mengetahui bahasa Baba-Nyonya ini masih lagi dikuasai ataupun sudah semakin berkurang kerana berlakunya proses faktor ekonomi dalam kalangan masyarakat bahasa ini. Kajian ini juga penting untuk dijadikan rujukan dan pendokumentasian bahasa masyarakat Baba-Nyonya ini. Sehubungan dengan itu, kajian terhadap masyarakat Baba-Nyonya ini perlu diberi perhatian kerana bahasa masyarakat ini sudah semakin menghilang. Hasil daripada kajian ini dapat memberikan penambahan ilmu secara amnya dan secara khusus terhadap masyarakat Bahasa Baba-Nyonya yang sememangnya begitu unik. Bahkan menurut Sa'adiah dan Rahilah (2017) dengan adanya kajian seumpama ini, masyarakat bahasa kreol seperti masyarakat Baba-Nyonya ini akan dapat lebih memahami tentang situasi sebenar bahasa mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini bertujuan untuk meninjau penguasaan bahasa Baba-Nyonya dalam masyarakat bahasa ini di Melaka. Di samping itu, kajian juga bertujuan untuk melihat secara khusus penguasaan ini berdasarkan generasi mereka iaitu generasi tua dan yang muda. Selain itu penguasaan terhadap aspek bertutur dan menulis dalam bahasa Baba-Nyonya turut diperhatikan. Perkara yang dikaji ini merupakan aspek yang perlu diperhatikan agar pendokumentasian mengenai bahasa minoriti ini dapat dilakukan. Secara langsung, kajian ini juga berkait rapat dengan usaha mempertahankan kelestarian warisan masyarakat minoriti di Melaka dan Malaysia amnya.

METODOLOGI

Bagi mencapai tujuan dan objektif kajian ini, metodologi yang dirangka adalah melibatkan reka bentuk kaedah gabungan. Menurut Morgan (2007), kaedah gabungan ini mempunyai banyak kelebihan dan cabaran. Memandangkan kajian ini berkaitan dengan penguasaan bahasa masyarakat baba-Nyonya di Melaka, maka kaedah gabungan yang diaplikasikan adalah merupakan kombinasi soal selidik, temu bual berstruktur dan juga melalui pemerhatian ketika kajian dijalankan. Kaedah kajian yang digunakan telah diaplikasikan terhadap responden yang merupakan penduduk Baba-Nyonya di Melaka iaitu di sekitar kawasan Jonker Walk, Banda Hilir, Jalan Tun Tan Cheng Lock yang menjadi kawasan tumpuan komuniti Baba-Nyonya menjalankan perniagaan dan juga ke Chan Heritage Museum.

Responden Kajian

Pemilihan responden dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada subjek kajian yang dituju bagi memperoleh data utama. Bagi memastikan objektif dapat dicapai, sekumpulan responden dipilih sebagai responden kajian. Oleh yang demikian, kajian ini telah mengedarkan soal selidik, menemubual dan membuat pemerhatian terhadap 60 orang masyarakat Baba-Nyonya yang berusia sekitar 13 tahun sehingga 56 tahun ke atas untuk melihat penguasaan bahasa mereka pada masa kini khususnya mengikut generasi. Sehubungan dengan jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini, persampelan rambang telah digunakan seperti yang dinyatakan oleh Asmah (2008) iaitu dengan nisbahnya ialah 1:10. Berdasarkan kaedah persampelan ini, Rahilah et. al (2016) turut menerapkan dalam kajian bahasa kreaol masyarakat Chetti di


Melaka. Berkaitan dengan kajian penguasaan Bahasa masyarakat Baba-Nyonya di Melaka ini turut menggunakan kaedah persampelan yang sama. Memandangkan jumlah keseluruhan masyarakat Baba-Nyonya di kawasan kajian sekitar dalam 600 orang, maka kajian ini hanya mendapatkan sebanyak 60 orang responden sahaja.

Demografi Responden

Sebanyak 60 orang responden telah dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik yang telah diedarkan. Demografi responden yang dipaparkan ini memfokuskan kepada umur, jantina, status perkahwinan, pekerjaan dan agama sahaja. Berikut merupakan maklumat informan yang telah diperolehi. Maklumat berkaitan dengan demografi informan ini turut memberi gambaran keadaan masyarakat Baba-Nyonya ini.

Umur Responden

Distribusi informan kajian yang telah dijalankan mengikut dari usia responden yang terlibat adalah seperti berikut:



CARTA 1: Umur Responden


Sumber: Data Kajian FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/6

Carta 1 di atas menunjukkan tahap umur responden yang terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 20% daripada responden telah mencapai usia 56 tahun ke atas. 22% responden pula berumur dalam lingkungan 46-55. 17% responden pula berumur dalam lingkungan 36-45. Seterusnya sebanyak 23% informan berumur dalam lingkungan 26-35. 13% responden berumur dalam lingkungan 18-25. Semasa soal selidik diedarkan, tidak ditemui banyak responden yang berusia sekitar 13-17 tahun. Ini mungkin disebabkan lokasi semasa kajian dilakuka bukanlah lokasi yang sesuai untuk golongan yang berusia 13-17 tahun untuk berada. Oleh itu hanya sebanyak 5% responden sahaja yang dapat menjawab soal selidik yang diedarkan.

Jantina Informan

Daripada 60 orang responden kajian ini, 53% di antaranya adalah responden perempuan, sedangkan 47% pula adalah responden lelaki. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa,

komposisi responden yang terlibat dalam kajian ini sebahagian besar didominasi oleh responden perempuan. Distribusi informan kajian ini jika ditinjau dari jenis jantina dirumuskan seperti dalam carta 2 yang berikut:




CARTA 2: Jantina Informan

Sumber: Data Kajian FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/6

Status Perkahwinan Informan

Distribusi informan kajian yang telah dijalankan mengikut status perkahwinan informan yang terlibat adalah seperti berikut:




CARTA 3: Status Perkahwinan Informan

Sumber: Data Kajian FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/6

Carta 3 tersebut menunjukkan status perkahwinan responden yang menjadi subjek kajian ini. Sebanyak 36% daripada responden masih belum berumah tangga. Dengan itu bermakna bahawa 64% daripada responden yang terlibat telah pun berkahwin. Hal ini amat bersesuaian dengan kajian berkaitan dengan penguasaan bahasa dalam masyarakat Baba-Nyonya Melaka ini.

Pekerjaan Informan

Distribusi informan kajian yang telah dijalankan mengikut pekerjaan informan yang terlibat adalah seperti berikut:




Carta 4: Pekerjaan Informan

Sumber: Data Kajian FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/6

Berdasarkan distribusi pekerjaan responden yang ditunjukkan dalam carta 4 di atas di atas nampak dengan jelas bahwa, daripada 60 orang responden, 12% masih lagi belajar. Sementara itu, sebanyak 10% pula bekerja di sektor awam. Bagi responden yang bekerja di sektor swasta pula sebanyak 25%. Responden yang telah bersara sebanyak 18% terlibat dalam kajian ini. Responden yang telah bersara pernah berkhidmat dalam sektor awam dan swasta. Sebanyak 35% distribusi pekerjaan responden adalah bekerja sendiri. Informan yang bekerja sendiri merupakan mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan. Maka untuk demografi pekerjaan responden ini, boleh katakan bahawa ia didominasi responden yang bekerja sendiri.

Agama Informan

Carta 5 yang seterusnya menunjukkan distribusi informan kajian ini jika ditinjau dari agama yang dianuti. Berdasarkan data yang dipaparkan tersebut menunjukkan bahawa 54% daripada 60 orang informan dalam kajian ini masih menganuti agama Buddha sebagai agama keturunan masyarakat Baba-Nyonya. Menjurus kepada distribusi agama ini, masyarakat Baba-Nyonya telah ada yang berpindah kepada agama Kristian, sama ada Katolik atau Protesten iaitu sebanyak 46% daripada responden kajian ini. Namun begitu responden penganut agama Budha masih mendominasi dalam kajian ini. Distribusi informan kajian ini dari aspek agama yang dianuti dirumuskan menerusi carta berikut:



CARTA 5: Agama Informan

Sumber: Data Kajian FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/6

MASYARAKAT BABA-NYONYA

Masyarakat Baba Nyonya telah wujud di Melaka sejak abad kelima belas lagi. Menurut sejarah, Melaka telah menjalankan hubungan diplomatik dengan negara China sejak kurun ke-15 yakni ketika pelabuhan Melaka dibuka pada 1402 M. Berdasarkan sejarah, rombongan Laksamana Cheng Ho telah diutus bagi menguatkan hubungan perdagangan. Selain itu, pada 1459, Raja Cina telah menghantar puteri, Hang Li Po, kepada Sultan Melaka sebagai satu tanda penghargaan kepada Sultan untuk mengahwini Puteri Hang Li Po tersebut, maka berlakulah perkahwinan campur di kalangan pemerintahan apabila Puteri Hang Li Po dari China berkahwin dengan Sultan Mansur Syah (Ishak Saat, 2009).

Masyarakat Baba yang awalnya berasal dari Melaka seperti yang dinyatakan tersebut telah berhijrah ke Pulau Pinang dan Singapura berkembang dan dimajukan, banyak di antara mereka yang berpindah ke kedua-dua negeri ini, terutamanya Singapura. Masyarakat Baba bertutur dalam bahasa Baba yang dapat difahami oleh kebanyakan orang Melayu. Cara masakan mereka kebanyakannya diresapi oleh cara masakan Melayu dan adalah menjadi satu kebiasaan bagi mereka makan dengan menggunakan tangan sebagaimana juga orang-orang Melayu. Generasi Nyonya (Baba perempuan) yang terdahulu masih memakai pakaian kebaya dan kain sarong sebagaimana yang dipakai oleh orang-orang Melayu.

Kehidupan masyarakat Baba dan pandangan mereka masih lagi berteraskan tradisi masyarakat Cina, walaupun mereka telah lama terpisah daripada komuniti mereka di China. Ini digambarkan melalui aspek-aspek kebudayaan yang lain seperti sistem kekeluargaan dan agama mereka yang masih dikekalkan. Malahan masyarakat Baba masih mengamalkan sebahagian resam budaya Cina seperti adat istiadat perkahwinan yang memperlihatkan kedua-dua pengantin memakai pakaian-pakaian yang indah dan berwarna warni sebagai warisan budaya Cina tradisional. Rumah Baba juga dibina berdasarkan pelan-pelan tradisional Cina berbanding dengan Melayu.


Sehingga hari ini keunikan etnik Baba Nyonya boleh dilihat di Perkampungan Baba dan Nyonya di Jalan Tun Tan Cheng Lock Bandar Raya Melaka Bersejarah. Muzium Warisan Baba dan Nyonya juga terletak berdekatan. Bangunan Muzium ini merupakan kediaman keluarga untuk tiga generasi seorang Baba. Generasi Baba Nyonya ini bagaimanapun tinggal merata di seluruh Melaka terutamanya di kawasan perkampungan di pinggir bandar.

DAPATAN KAJIAN

Kajian berkaitan dengan bahasa masyarakat Baba-Nyonya telah menjadi tumpuan pengkaji kerana keistimewaan dan keunikan masyarakat ini. Kajian ini turut menjadikan masyarakat Baba-Nyonya sebagai subjek kajian dengan melihat penguasaan bahasa mereka terhadap bahasa Baba-Nyonya yang merupakan bahasa ibu. Tahap penguasaan bahasa Penguasaan bahasa merupakan suatu kebolehan menguasai atau kesanggupan untuk menggunakan pengetahuan, kepandaian terhadap sesuatu bahasa. Oleh itu penguasaan merupakan kemampuan seseorang yang dapat diterapkan pada situasi kebahasaan. (Sa'adiah & Teo, 2016) Bahagian ini melihat tahap penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat Baba-Nyonya iaitu tahap penguasaan bahasa ibu mereka dan juga beberapa aspek yang berkaitan.

Tahap Penguasaan Bahasa Baba-Nyonya

Seperti yang dinyatakan oleh Sa'adiah dan Teo (2016) bahawa penguasaan Bahasa merupakan suatu kebolehan menguasai atau kesanggupan untuk menggunakan pengetahuan, kepandaian terhadap sesuatu bahasa, maka ia amat perlu dikuasai untuk menjadikan suatu Bahasa yang dimiliki itu menjadi lebih kukuh. Hal ini mempunyai kaitan seperti yang dinyatakan oleh Siti Khariah, 2007 (dalam Effendy Yusuf et. al, 2018) bahawa kekuatan bahasa dapat membina peradaban yang dapat membentuk kewujudan sesebuah masyarakat. Malah kekuatan yang dibentuk akan dapat menjamin kelangsungan peradaban sesebuah masyarakat dan bangsa (A. Aziz Deraman, 2006).



CARTA 6: Tahap Penguasaan Bahasa Masyarakat Baba-Nyonya

Sumber: Data Kajian FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/6

Berdasarkan Carta 6, terdapat 20% responden yang mengakui bahawa mereka dapat menguasai bahasa Baba-Nyonya dengan amat baik dan 15% pula menguasai bahasa Baba-Nyonya dengan baik. Keadaan ini telah membuktikan bahawa masyarakat Baba-Nyonya

sangat menghargai bahasa mereka dan mahu menggunakan bahasa tersebut ketika berkomunikasi. Tahap penguasaan yang Amat Baik terhadap bahasa ibu, khususnya bagi masyarakat minoriti memberi gambaran yang amat positif bahawa bahasa mereka berada pada tahap yang tidak membimbangkan. Namun begitu situasi bahasa Baba-Nyonya tidak seperti yang diharapkan kerana peratus yang menyatakan tahap penguasaan bahasa Baba-Nyonya mereka pada tahap Lemah adalah melebihi daripada tahap Baik iaitu sebanyak 25%. Begitu juga penguasaan bahasa Baba-Nyonya pada tahap Amat Lemah juga mengatasi tahap penguasaan yang Amat Baik iaitu sebanyak 18%. Semetara responden yang menguasai bahasa Baba-Nyonya pada tahap Sederhana pula adalah sebanyak 22%. Fenomena ini berlaku dalam bahasa masyarakat minoriti dan ia turut berlaku pada bahasa masyarakat Baba-Nyonya di Melaka. Penguasaan bahasa yang semakin berkurangan dalam golongan generasi mudah menggambarkan situasi bahasa ini yang secara perlahan beralih kepada bahasa lain yang menjadi pilihan dalam berkomunikasi.


Bagi bahasa Inggeris pula, boleh dikatakan tiada responden yang tidak menguasai bahasa Inggeris. Semua responden boleh menguasai bahasa Inggeris pada tahap yang tinggi. Ini berdasarkan pengakuan responden akan tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka iaitu sebanyak 35% boleh menguasai bahasa Inggeris dengan Amat Baik manakala sebanyak 47% mengakui bahawa bahasa Inggeris mereka pada tahap Baik. Sementara itu sebanyak 18% responden menguasai bahasa Inggeris pada tahap Sederhana sahaja. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Inggeris begitu dikuasai oleh seluruh masyarakat Baba-Nyonya kerana tidak ada di antara mereka yang meletakkan tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka pada tahap yang Amat Lemah dan Lemah.

Berbeza dengan bahasa Baba-Nyonya, carta 6 menunjukkan bahawa masyarakat bahasa Baba-Nyonya sudah mula menguasai bahasa Mandarin. Walaupun terdapat responden yang menyatakan penguasaan bahasa Mandarin mereka pada tahap yang Lemah iaitu sebanyak 20% dan pada tahap Amat lemah sebanyak 15% tetapi ia masih menunjukkan peningkatan penguasaan bahasa Mandarin dalam masyarakat Baba-Nyonya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Mandarin mereka mengatasi penguasaan bahasa Baba-Nyonya yang merupakan bahasa ibu bagi masyarakat ini. Responden yang terlibat dalam kajian ini mengakui bahasa tahap penguasaan bahasa Mandarin mereka pada tahap Amat baik iaitu sebanyak 17% dan pada tahap Baik sebanyak 25%. Dapatan ini menunjukkan responden dalam kajian ini menguasai bahasa Mandarin berbanding bahasa Baba-Nyonya. Responden yang mengakui tahap penguasaan bahasa Mandarin pada tahap sederhana juga mengatasi tahap penguasaan bahasa Baba-Nyonya iaitu sebanyak 23%. Penguasaan bahasa Mandarin dalam kalangan masyarakat Baba-Nyonya di Melaka menunjukkan sudah berlakunya peralihan bahasa dalam masyarakat ini. Menurut Fishman (1991) sekiranya proses peralihan bahasa ini berlaku, maka kemungkinan bahasa itu akan mengalami kepupusan adalah tinggi.

Tahap Kefahaman Responden Berbahasa Melayu Baba-Nyonya

Kefahaman bahasa mempunyai kaitan dengan penguasaan bahasa oleh seseorang penutur sesebuah bahasa. Menurut Nathesan (2012), kefahaman merupakan keupayaan atau kemampuan dalam memahami iaitu sama ada faham atau tidaknya seseorang penutur akan sesebuah bahasa itu. Maka itu, kajian ini juga melihat tahap penguasaan kefahaman bahasa masyarakat Baba-Nyonya ini khususnya responden yang terlibat dalam kajian ini. Kefahaman terhadap bahasa Baba-Nyonya oleh masyarakat Baba-Nyonya dapat memberikan gambaran akan kedudukan sesebuah bahasa itu.

Carta 7 menunjukkan hasil dapatan yang telah diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terlibat. Soal selidik adalah berhubung dengan tahap kefahaman responden berberbahasa Melayu.



CARTA 7: Kefahaman terhadap Bahasa Baba-Nyonya

Sumber: Data Kajian FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/6

Berdasarkan carta tersebut, sebanyak 15 orang responden bersamaan dengan 25% mempunyai kefahaman yang Amat Baik dalam memahami bahasa Baba-Nyonya. Seterusnya, terdapat 11 orang (18%) responden yang memilih mengakui bahawa tahap kefahaman terhadap Bahasa Baba-Nyonya mereka adalah pada tahap Baik dalam memahami bahasa tersebut. Seterusnya sebanyak 13 orang responden iaitu 22% mengakui tahap kefahaman mereka pada tahap Sederhana dalam memahami bahasa Baba-Nyonya. Masyarakat Baba-Nyonya didapati mengalami penyusutan dalam kefahaman terhadap Bahasa mereka kerana terdapat 12 orang responden iaitu sebanyak 20% mengakui tahap kefahaman mereka pada tahap Lemah kerana mereka kurang menguasai bahasa Baba-Nyonya oleh itu ia secara langsung menyebabkan tahap kefahaman terhadap bahasa ibu mereka turut menjadi lemah.

Dalam hal ini, terdapat 9 orang responden dengan 15% daripada responden mengakui tahap kefahaman Bahasa mereka terhadap Bahasa Baba-Nyonya adalah pada tahap yang Amat Lemah. Mereka yang mengakui tahap Amat Lemah ini adalah dari golongan muda generasi masyarakat Baba-Nyonya kerana mereka tidak lagi menguasai Bahasa ibu mereka seperti kebanyakan golongan generasi tua. Golongan generasi muda lebih menguasai bahasa Inggeris berbanding bahasa Baba-Nyonya ini. Jelaslah bahawa walaupun masih terdapat ahli masyarakat bahasa Baba-Nyonya yang memahami bahasa mereka tetapi hasil dapatan menunjukkan bahawa bahasa ini secara perlahan sedang mengalami proses peralihan terhadap bahasa lain. Berdasarkan penguasaan bahasa mereka terhadap bahasa-bahasa yang mereka kuasai, ia menunjukkan bahawa masyarakat ini kini beralih kepada bahasa Inggeris kerana tahap

penguasaan Bahasa Inggeris mereka lebih memberangsangkan berbanding dengan bahasa Baba-Nyonya mereka.

FAKTOR PENYEBAB KEMEROSOTON PENGUASAAN BAHASA DALAM MASYARAKAT BABA-NYONYA DI MELAKA

Bahasa Baba-Nyonya sebagai bahasa minoriti tidak terkecuali daripada mengalami kemerosotan penguasaan dalam kalangan masyarakat penuturnya. Sehubungan itu, terdapat beberapa faktor penyebab yang berkaitan dengan kemerosotan penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat Baba-Nyonya di Melaka dalam kehidupan seharian mereka. Hasil kajian yang dilakukan ke atas masyarakat ini mendapati beberapa faktor kemerosotan penguasaan Bahasa Baba-Nyonya ada kaitan dengan beberapa perkara seperti yang tertera dalam jadual 1 yang berikut:

JADUAL 1: Faktor Kemerosotan Penguasaan Bahasa Baba-Nyonya

Penyataan	Amat Setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
1. Faktor ekonomi penyebab kemerosotan penguasaan bahasa Baba-Nyonya	45%	38%	12%	5%	-
2. Malu untuk menggunakan bahasa Baba-Nyonya.	7%	3%	10%	43%	37%
3. Generasi tua Baba-Nyonya sudah kurang menggunakan bahasa Baba-Nyonya	28%	18%	12%	22%	20%
4. Tiada usaha untuk membantu menguasai bahasa Baba-Nyonya	35%	28%	13%	15%	9%
5. Keluarga sebagai pewaris bahasa tidak menggunakan lagi bahasa Baba-Nyonya	25%	20%	15%	23%	17%

Sumber: Data Kajian FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/6

Faktor Ekonomi Menyebabkan Kemerosotan Penguasaan Bahasa Baba-Nyonya

Berdasarkan Jadual 1 di atas, sebanyak 45% iaitu 27 orang responden Amat Setuju dengan pernyataan bahawa faktor ekonomi menyebabkan kemerosot penguasaan bahasa Baba-Nyonya. Sehubungan dengan pernyataan tersebut 38% atau 23 responden pula turut Setuju dengan pernyataan ini. Mereka mengatakan bahawa bahasa Baba-Nyonya walaupun merupakan bahasa warisan masyarakat mereka tetapi bahasa tersebut tidak memiliki nilai ekonomi berbanding dengan Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin. Sementara itu terdapat 7 orang responden (12%) yang merasakan mereka Tidak Pasti akan pernyataan ini. Walaupun peratus yang Amat Setuju dan dengan pernyataan ini, namun terdapat juga responden yang Tidak Setuju bahawa faktor ekonomi penyebab kemerosotan penguasaan bahasa mereka. Responden yang Tidak Setuju berjumlah 5% iaitu besamaan dengan 3 orang responden. Dalam hal ini, tidak terdapat responden yang Amat Tidak Setuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Baba-Nyonya secara majoritinya merasakan bahawa factor enomoni telah

menyumbang kepada kemerosotan penguasaan bahasa mereka. Berkaitan dengan pernyataan yang sama, data temu bual yang, turut menunjukkan bahawa ada responden yang menyebut tentang faktor ekonomi ini begitu kuat sehingga berjaya menenggelamkan identiti masyarakat Baba-Nyonya sebagai suatu bangsa yang begitu istimewa di Malaysia khususnya dan amnya di dunia.

Malu Menggunakan Bahasa Baba-Nyonya

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat Baba-Nyonya walaupun majoritinya penguasaan Bahasa Baba-Nyonya mereka sudah semakin merosot, namun mereka mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa mereka kerana mereka sebenarnya tidak merasa malu untuk menggunakan bahasa Baba-Nyonya. Bagi pernyataan ini, sebanyak 43% iaitu bersamaan dengan 26 orang responden menyatakan bahawa mereka Tidak Setuju iaitu mereka tidak malu untuk menggunakan Bahasa warisan bangsa mereka. Terdapat sebanyak 22 orang atau 37% yang juga begitu positif terhadap bahasa mereka kerana mereka juga Amat Tidak Setuju untuk mengatakan mereka mempunyai perasaan malu untuk menggunakan bahasa Baba-Nyonya. Walaupun peratus yang tinggi dalam kalangan responden untuk Tidak Setuju dan Amat Tidak Setuju dengan pernyataan malu untuk menggunakan bahasa Baba-Nyonya, namun terdapat juga responden yang menyatakan Amat Setuju iaitu sebanyak 4 orang (7%) dan yang Setuju sebanyak 2 orang (3%) bahawa mereka malu untuk menggunakan bahasa Baba-Nyonya. Oleh kerana adanya perasaan malu untuk menggunakan bahasa Baba-Nyonya sehingga menyebabkan mereka tidak bercakap menggunakan bahasa Baba-Nyonya dengan ahli keluarga, dan sudah pastinya apabila berada dalam khalayak ramai mereka tidak akan menggunakan bahasa Baba-Nyonya. Berdasarkan temu bual yang dibuat dengan beberapa orang informan, mempunyai perasaan malu untuk menggunakan bahasa Baba-Nyonya ini kerana mereka tidak menguasai bahasa ini. Hasil kajian yang menunjukkan majoriti daripada responden yang tiada perasaan malu untuk menggunakan bahasa Baba-Nyonya memberi kesan yang positif terhadap Bahasa warisan mereka.

Generasi Tua Baba-Nyonya Kurang Menggunakan Bahasa Baba-Nyonya

Berdasarkan jadual 1 juga, sebanyak 17 orang responden (28%) Amat Setuju dengan pernyataan generasi tua Baba-Nyonya sudah kurang menggunakan Bahasa Baba-Nyonya ketika berinteraksi bersama ahli masyarakat mereka. Sehubungan dengan itu, sebanyak 11 orang responden iaitu berjumlah 18% turut Setuju dengan pernyataan tersebut. Generasi tua memainkan peranan yang penting untuk melestarikan bahasa mereka. Sekiranya generasi tua sebagai penerus bahasa dan warisan bangsa generasi tua sudah kurang menggunakan Bahasa Baba-Nyonya, ini boleh mengakibatkan peralihan bahasa berlaku dengan cepat dalam masyarakat mereka. Rokhana Bibi (2002) mengatakan bahawa peralihan bahasa lazimnya berlaku dalam sesebuah masyarakat, khususnya masyarakat minoriti kerana kepentingan berbahasa ibu sudah semakin berkurangan sehingga memaksa mereka menggunakan Bahasa lain dalam mereka berinteraksi sesama mereka. Walaupun begitu, terdapat 22% iaitu 13 orang responden Tidak setuju dan 12 orang lagi responden (20%) Amat Tidak Setuju dengan pernyataan tersebut.

Berdasarkan dapatan temu bual yang dijalankan, informan mengatakan bahawa generasi tua masih menggunakan bahasa Baba-Nyonya ketika mereka berinteraksi semasa keluarga atau pun ketika mereka berada di khalayak umum kerana bahasa Baba-Nyonya merupakan Bahasa ibu mereka. Namun penggunaan Bahasa ini dianggap semakin berkurangan kerana generasi muda sudah kurang menguasai bahasa ini dan secara langsung penguasaan

bahasa mereka terhadap bahasa Baba-Nyonya juga berada pada tahap yang minima. Dalam hal ini kekurangannya interaksi menggunakan bahasa ini menjadi salah satu punca kemerosotan penguasaan bahasa mereka. Sementara itu sebanyak 7 orang responden dengan jumlah 12% Tidak Pasti akan pernyataan yang diberi. Mereka tidak mahu mengakui atau menafikan golongan generasi tua sudah semakin kirang menggunakan bahasa ini dan ianys boleh menjdsi sebagai salah satu faktor penyumbang kepada kemerosotan penggunaan bahasa ini. Namun menurut salah seorang informan dalam temu bula yang dijalankan, ia bukanlah faktor yang paling utama. Faktor paling utama menurut informan tersebut ialah kerana mereka tidak menggunakan bahasa ini walaupun dalam kalangan ahli keluarga di rumah.

Tiada Usaha Untuk Membantu Menguasai Bahasa Baba-Nyonya

Penyataan tentang tiadanya usaha untuk membantu menguasai bahasa Baba-Nyonya mendapat reaksi daripada para responden. Majoriti responden Amat Setuju iaitu sebanyak 21 orang dengan 35% dan sebanyak 17 orang respondean iaitu dengan jumlah 28% Setuju tiadanya usaha untuk membantu menguasai bahasa Baba-Nyonya. Mereka mengatakan bahawa usaha untuk membantu menguasai bahasa Baba-Nyonya dapat membantu generasi muda khususnya meningkatkan tahap penguasaan bahasa Baba-Nyonya dalam kalangan mereka. Sebanyak 8 orang responden (13%) mengambil jalan tengah dengan menyatakan bahawa mererka Tidak pasti akan pernyataan yang diberi. Berhubung dengan pernyataan yang diberi, 9 orang responden (15%) Tidak Setuju dan 5 orang responden Amat Tidak Setuju (9%) dengan pernyataan yang tersebut iaitu tiada usaha untuk membantu menguasai bahasa Baba-Nyonya sebagai salah satu penyebab mereka menjadi kurang fasih berbahasa Baba-Nyonya sehingga penguasaan bahasa mereka juga menjadi lemah. Maka dapatan yang menunjukkan mereka kurang setuju dengan pernyataan ini turut disokong oleh dapatan temu bual dengan informan. Menerusi temu bual, mereka tetap berpendapat bahawa usaha untuk menguasai bahasa ibu, khususnya bagi masyarakat minoriti adalah diri masyarakat bahasa itu sendiri kerana jika jiwa dan sikap positif semakin kurang maka sekiranya terdapat usaha sekalipun ia tidak akan memberi kesan positif kepada mereka. Berkaitan dengan hal ini, Sa'adiah Ma'alip (2011) menyebut bahawa penggunaan bahasa oleh ahli masyarakat itu sendiri dapat menentukan kedudukan dan kelestarian sesebuah bahasa, khususnya bahasa minoriti seperti bahasa masyarakat Baba-Nyonya ini.

Keluarga Sebagai Pewaris Bahasa Tidak Menggunakan Lagi Bahasa Baba-Nyonya

Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 15 orang dengan jumlah 25% Amat Setuju dengan pernyataan bahawa keluarga sebagai pewaris bahasa tidak menggunakan lagi bahasa Baba-Nyonya sehingga menyebabkan mereka kurang diberi pendedahan terhadap Bahasa warisan mereka. Peyataan ini juga secara tidak langsung menjadikan mereka kurang menguasai bahasa warisan mereka. Sebanyak 12 orang responden (20%) lagi turut Setuju dengan pernyataan ini. Sementara itu sebanyak 15% iaitu 9 orang responden mengatakan bahawa mereka Tidak Pasti dengan pernyataan tersebut. Dapatan temu bual menyokong dapatan yang Tidak Pasti kerana menurut informan apa yang diperhatikannya, generasi yang lebih tua dalam sesebuah keluarga masyarakat baba-Nyonya masih menggunakan bahasa ini walaupun tidak sepenuhnya. Bukan itu saja, malah terdapat juga responden yang Tidak Setuju dan Amat Tidak Setuju dengan pernyataan keluarga sebagai pewaris bahasa tidak menggunakan lagi bahasa Baba-Nyonyaa kerana dalam keluarga mereka ahli keluarga khususnya yang terditi daripada generasi tua masih terus menggunakan bahasa warisan mereka. Responden yang Tidak Setuju adalah sebanyak 14 orang (23%) dan yang Amat Tidak Setuju berjumlah 10 orang responden

(17%) beranggapan bahawa keluarga mereka masih menuturkan bahasa ini di rumah. Secara tidak langsung pernyataan ini menunjukkan bahawa faktor utama penguasaan bahasa Baba-Nyonya yang lemah dan terus merosot dalam kalangan ahli masyarakat ini adalah berpunca daripada diri ahli masyarakat itu sendiri. Menerusi temubual, terdapat informan yang mengatakan kesedaran diri sendiri untuk belajar serta menggunakan bahasa ini adalah yang paling utama dalam usaha untuk meneruskan dan melestarikan bahasa Baba-Nyonya ini.

KESIMPULAN

Masyarakat bahasa Baba-Nyonya tidak dinafikan sebagai sebuah bahasa dan masyarakat yang unik. Oleh kerana itu, masyarakat Bahasa Baba-Nyonya hendaklah mengambil kira akan situasi Bahasa mereka. Dapatan kajian menyimpulkan bahawa situasi bahasa masyarakat ini berada pada kedudukan yang tidak stabil kerana dapatan kajian menunjukkan berlakunya kemerosotan dan penguasaan Bahasa Baba-Nyonya yang lemah dan kurang dalam masyarakat ini. Bahasa Baba-Nyonya ini boleh terancam kedudukannya jika masyarakatnya sendiri mengambil sikap acuh tak acuh dalam usaha mengekalkan kewujudannya sebagai sebuah masyarakat Bahasa yang begitu istimewa. Selain daripada itu, hasil objektif pertama iaitu bagi meninjau penguasaan bahasa masyarakat Baba-Nyonya di Melaka telah menunjukkan tahap penguasaan yang Sederhana dan juga Lemah. Hal ini dapat dilihat menerusi dapatan kajian yang merangkumi persoalan berkaitan tahap penguasaan bahasa masyarakat ini dan didapati kebanyakannya menunjukkan tahap penguasaan yang sederhana.

Terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti menyebabkan berlakunya kemerosotan dan penguasaan bahasa masyarakat Baba-Nyonya bertambah lemah. Antaranya ialah tanggapan bahawa bahasa ini tidak mempunyai nilai ekonomi, sikap malu menggunakan bahasa Baba-Nyonya, kekurangan usaha menggiatkan bahasa ini, kurangnya penggunaan bahasa ini dalam kalangan generasi tua dan keluarga pewaris bahasa. Dari segi faktor ekonomi, bahasa Baba-Nyonya tidak memiliki nilai ekonomi seperti yang ada pada bahasa Inggeris dan bahasa Mandrin. Maka itu faktor ini boleh menjadi penyumbang utama kemerosotan penguasaan bahasa Baba-Nyonya. Jelas bahawa dapatan kajian dapat merumuskan dengan mengenalpasti tahap penguasaan bahasa Baba-Nyonya dalam kalangan responden berada ditahap sederhana.

Sesungguhnya kewujudan bahasa Baba-Nyonya amatlah istimewa dan amat membanggakan negara kerana ia menggambarkan keunikan yang dimiliki oleh masyarakat minoriti ini. Justeru, seharusnya bahasa Baba-Nyonya ini terus dipelihara dan usaha untuk melestarikannya harus dipergiat agar bahasa ini terus digunakan oleh ahli masyarakat bahasanya. Sekiranya tidak, dikhuatiri Bahasa ini akan dengan cepat menjadi fosil bahasa semata-mata. Pihak pemerintah dan masyarakat Baba-Nyonya sendiri juga seharusnya menggiatkan usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa ini dalam kalangan masyarakat mereka. Hal ini untuk memastikan bahasa ini tidak hilang ditelan zaman kerana ia adalah bahasa yang unik dan menjadi simbol kemegahan dan kewujudan masyarakat Baba-Nyonya yang ada di Melaka.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 2008. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Deraman. 2006. *Kebudayaan Kebangsaan: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Gapeniaga.
- Effendy Yusof, Anida Sarudin & Norliza Jamaluddin. 2018. Leksis Bagaton dalam Korpus Bahasa Melayu Sebagai Simbol Keintelektualan Masyarakat Peribumi Sabah. *Jurnal Melayu* Bil. 17 (1) 2018, 1-15.

- Fishman, J.A. 1991. *Reversing Language Shift*. Clevedon UK: Multilingual Matters Ltd.
- Ishak Saat. 2009. *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia*. Selangor: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Khoo Kay Kim. 1990. Kertas Kerja III. Perpaduan Melaka Abad Ke-15 Dan Masa Kini: Satu Perbandingan. Seminar Sejarah Sempena Perayaan Melaka Menjelang 600 Tahun: Melaka Perintis Perpaduan dalam Kepelbagaian di Malaysia.
- Koo, Joo Ee. 1996. *The Straits Chinese. A Cultural History*. Amsterdam, Kuala Lumpur: The Pepin Press.
- Lee, Su Kim. 2007. The Peranakan Baba Nyonya Culture: Resurgence or Disappearance? *Sari* 26: 161-170.
- Morgan, D. L. (2007). Paradigms Lost and Pragmatism Regained: Methodological Implications of Combining Qualitative and Quantitative Methods. *Journal of Mixed Methods Research*, 1(1), 48-76.
- Nathesan, S. 2012. Kefaman dan Pemahaman. Adakah kedua-duanya Sama? *Pelita Bahasa*. Bulan Mac. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahilah Omar, Nasrun Alias & Teo Kok Seong. 2016. Pemilihan Bahasa Masyarakat Chetti Di Melaka. *Jurnal Melayu* Bil. 15(2), 210-222.
- Roksana Bibi Abdullah. 2002. Peralihan Bahasa: Sebab dan Akibat. *Dewan Bahasa*, 9 (2): 52-55.
- Sa'adiah Ma'alip. 2001. Peralihan dan Kehilangan Bahasa Kristang di Melaka. *Dewan Bahasa* 1(2):50-57.
- Sa'adiah Ma'alip. 2001. Kata Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Portugis: Tinjauan di Perkampungan Portugis, Melaka. *Jurnal Dewan Bahasa* 44, 1077-1084.
- Sa'adiah Ma'alip. 2005. *Language Choice between Two Generations of the Narum Community*. Kertas Kerja, The 3rd Malaysian Research Group Conference. Manchester. United Kingdom, Jun.
- Sa'adiah Ma'alip. 2010. Language Choice Among the Narum Community: A Multilingual Minority Group in Sarawak. Dlm. Mohd Azidan Abdul Jabar, Lim Sep Neo, Eriko Yamato, Chong Fah Hing, Roslina Mamat, Pabiyah Hajimaming, Regis Machart & Lim Choon Bee. *My Language Your Language. Bahasaku Bahasamu*. Penerbit UPM: Serdang, hlm. 211-225.
- Sa'adiah Ma'alip. 2011. Sikap Bahasa dan Identiti: Kajian Kes Narum Masyarakat Narum, Sarawak. *Jurnal Melayu* (6), 57-72.
- Sa'adiah Ma'alip, Rahilah Omar, Nasrun Alias, Teo Kok Seng, Karim Harun & Maslida Yusof. 2016. *Data Kajian Lapangan Masyarakat Baba-Nyonya, Melaka*. FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/6.
- Sa'adiah Ma'alip & Teo Kok Seong. 2016. Penggunaan bahasa Bahasa Baba-Nyonya di Kuala Gandah. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space* 12, Issue 11, 62-78.
- Sa'adiah Ma'alip & Rahilah Omar. 2017. Penggunaan Kristang sebagai Bahasa Komunikasi dalam Kalangan Masyarakat Portugis di Melaka. *Jurnal Melayu*. Isu Khas, 421-435.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan dana penyelidikan mengenai pemetaan bahasa kreol di Melaka, di bawah Geran Penyelidikan FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/6, yang diketuai oleh Puan Sa'adiah Ma'alip, Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua responden dan informan yang terlibat.

Biodata Penulis:

Sa'adiah Ma'alip

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sosiolinguistik.

Rahilah Omar:

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Dasar dan Governans Global, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau adalah dalam bidang sejarah (lisan, Indonesia dan budaya).